



JEROME (duduk tengah) bersama dengan barisan penceramah dan peserta bengkel berkenaan.

NST 21-07-2012 52

# Pengetahuan sains sukan perlu digunakan untuk tingkat prestasi

OLEH MARUTIN ANSI-UNG  
marutin@newsabah-times.com.my

**KENINGAU:** Ilmu pengetahuan sains sukan perlu diaplikasikan dalam bidang sukan bagi meningkatkan tahap sukan di negeri ini.

Ketua Unit Pembangunan Manusia Pejabat Pelajaran Daerah Keningau Jerome Jolly berkata, pengetahuan dalam bidang sains sukan amat penting bagi seseorang ahli sukan atau atlet melangkah lebih jauh ke peringkat antarabangsa.

Katanya, sudah sampai masanya bagi setiap atlet, jurulatih serta semua individu yang terlibat secara aktif dalam mana-mana acara sukan untuk mengaplikasikan sains sukan bagi memantapkan penglibatan mereka dalam bidang sukan.

"Ahli sukan pada hari ini tidak boleh bergantung dengan teknik-teknik yang lama dalam bidang sukan tetapi sebaliknya perlu menerokai teknik-teknik moden yang lebih efektif," katanya semasa berucap merasmikan Bengkel Pengaplikasian Sains Sukan Dalam Bola Sepak yang berlangsung di Dewan Super Cemerlang SMK Keningau II dekat sini baru-baru ini.

Menurut Jerome, penggunaan ilmu-ilmu sains sukan sangat penting diterapkan bagi meningkatkan tahap pencapaian sukan di negeri ini.

"Jika kita lihat kejayaan pasukan bola sepak Sukma 2012 yang berjaya menundukkan pasukan perak 3-0 dan sekali gus merangkul juara pada saat-saat akhir, sudah tentu jurulatih pasukan telah menggunakan teknik-teknik melalui pengetahuan sains sukan," jelasnya.

Bengkel berkenaan telah dianjurkan oleh dua orang pelajar yang mengambil jurusan sains sukan di Universiti Malaysia Sabah (UMS), Lawrence Angansuk dan Jimson Ebing dengan kerjasama SMK Keningau II.

Bengkel selama lapan jam berkenaan telah dikendalikan oleh tiga orang penceramah iaitu, Pensyarah Sains Sukan Sekolah Pendidikan dan Pembangunan Sosial UMS Patmanathan K Suppiyah dan Hasnol Noordin dan Jurulatih Liga KPM Sabah, SP Subramaniam.

Menurut Lawrence, melalui bengkel ini setiap jurulatih pasukan bola sepak sekolah serta pelajar ataupun pemain yang terpilih akan mengetahui serba sedikit tentang pengetahuan sains sukan dalam permainan bola sepak untuk diaplikasikan



CENDERAKENANGAN...Jerome menerima cendera kenangan daripada Jaimy.

secara efektif.

Katanya, objektif utama bengkel berkenaan diadakan untuk melahirkan individu berpengalaman dalam bidang sains sukan yang diaplikasikan ke dalam permainan bola sepak dan

mendedahkan para peserta tentang teori-teori dan praktikal permainan bola sepak.

Seramai lebih kurang 100 orang peserta mengikuti bengkel berkenaan yang dijalankan secara percuma dan mereka telah didedahkan

dengan pelbagai pengetahuan baru yang merangkumi taktik, persediaan, mentalit dan sebagainya.

Hadir sama Penolong Kannan Kokum SMK Keningau II Jaimy Salagan dan guru-guru.